

Reka bentuk logo sekolah menengah kebangsaan bandaraya Kota Kinabalu: analisis ikonografi erwin Panofsky

ABSTRACT

Logo adalah tanda grafik yang berfungsi sebagai identiti sesebuah syarikat perniagaan, pertubuhan, kelab, persatuan, organisasi atau kumpulan melalui aplikasi dan olahan elemen grafik. Elemen grafik sesebuah logo terdiri daripada gambar, warna, tipografi, komposisi dan paparan reka bentuk. Kajian ini bertujuan menganalisis reka bentuk logo dalam bidang seni visual, khususnya logo institusi pendidikan di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini membataskan sampel khusus dengan memilih logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai mewakili institusi lain di Kota Kinabalu. Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan teori ikonografi yang diketengahkan oleh Panofsky (1972). Teori ini berdasarkan tiga tahap analisis, iaitu peringkat deskripsi imej, analisis elemen formal dalam logo dan peringkat ikonografi yang menyatakan perkaitan makna atau mesej dalam logo. Faktor-faktor boleh ubah dalam kajian ini adalah bersandarkan imej, ikon, simbol, warna dan tipografi pada logo institusi pendidikan untuk mengenal pasti keberkesanan mesej. Kajian ini berusaha menjelaskan maksud yang terkandung dalam logo institusi untuk menjelaskan makna dan identiti institusi pendidikan tersebut. Kajian ini mendapati identiti sesebuah organisasi merupakan cerminan daripada visi dan misi yang divisualkan dalam bentuk logo dan mampu menyampaikan mesej atau maklumat. Justeru, reka bentuk sesebuah logo mampu memberikan sumbangan kepada institusi pendidikan untuk menjelaskan misi dan visi sebagai impak positif terhadap penyampaian moto atau mesej sesebuah organisasi